



14 FEB, 2025

Liberalisasi pasaran gas semakin mendesak



Berita Harian, Malaysia

Rafizi menerima tanda penghargaan daripada Presiden Persatuan Gas Malaysia, Abdul Aziz Othman pada Simposium Gas Malaysia: Menjana Peralihan Industri Gas Marjan di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)



Liberalisasi pasaran gas semakin mendesak

Bekalan tenaga terus menyusut tak mampu penuhi permintaan kian meningkat

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Malaysia berdepan penurunan bekalan gas yang serius, terutama di Semenanjung serta Sabah, dan dijangka menjadi pengimpor bersih dalam 10 hingga 20 tahun akan datang, kata Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli.

Justeru, katanya, langkah liberalisasi pasaran gas bukan lagi pilihan tetapi menjadi keperluan untuk memastikan ketabilan dan jaminan bekalan tenaga

di negara ini.

Beliau berkata, walaupun Malaysia kini adalah pengeksport gas asli cecair (LNG) kelima terbesar di dunia, permintaan gas asli berkembang lebih pantas daripada bekalan domestik akan mendorong negara menjadi pengimpor bersih dalam tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang.

Katanya, rizab gas asli negara berkurangan dengan pantas dan lebih meruncing di Semenanjung dan Sabah, dengan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) masing-masing negatif tujuh peratus dan negatif empat peratus, berbanding Sarawak yang menyumbang 59 peratus daripada jumlah rizab gas, mempunyai bekalan yang tinggi dan stabil.

Justeru, jelasnya, ketidakpadanan dalam permintaan dan bekalan menimbulkan ancaman kepada jaminan bekalan gas negara.

"Dengan banyak medan gas

Semenanjung mencapai kematanan serta ruang terhad untuk penemuan baharu, kita perlu mengubah strategi."

"Bagi menjamin bekalan kita ialah dengan mempelbagaikan sumber gas asli."

"Justeru, semakan dasar sejia ada menjadi satu keperluan mendesak memandangkan liberalisasi gas yang lebih mendalam bukan lagi sekadar pilihan dasar, tetapi adalah satu keperluan," katanya pada Simposium Gas Malaysia: Menjana Peralihan Industri Gas Marjan anjuran Persatuan Gas Malaysia (MGA) di Kuala Lumpur, semalam.

Galakkan persaingan

Rafizi berkata, langkah ke arah liberalisasi telah bermula di Malaysia dengan Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2016 yang memperkenalkan sistem akses pihak ketiga (TPA).

Beliau berkata, dasar itu membenarkan akses adil kepada

infrastruktur gas bagi menggalakkan persaingan serta meningkatkan keselamatan bekalan gas negara, namun kemajuannya agak perlahan.

Katanya, walaupun dasar itu dikuatkuasakan sejak 2016, namun sehingga 2023, hanya dua penghantaran LNG dilakukan oleh pihak ketiga.

Jelasnya, penyerahan yang perlahan itu menunjukkan masih terdapat halangan besar untuk kemasukan pihak baharu dan insentif sedia ada mungkin tidak mencukupi untuk menarik pelabur baharu ke pasaran.

"Antara cabaran utama ialah kawalan harga dalam pasaran gas domestik. Perbezaan harga antara LNG yang diimport dan gas tempatan menjadikan pasaran gas untuk penjanaan tenaga kurang menarik."

"Selain itu, infrastruktur Malaysia perlu diuji untuk memastikan ia mempunyai kapasiti mencukupi bagi menampung akses

pihak ketiga," katanya.

Menyedari situasi itu, Rafizi berkata, Kementerian Ekonomi akan melancarkan Hala Tuju Gas Asli pada suku ketiga tahun ini bagi memantapkan lagi dasar terutama pelaksanaan sistem TPA dalam mendepani cabaran bekalan gas yang semakin berkurangan di negara ini.

Beliau berkata, dengan adanya pelan hala tuju itu akan mendorong pelaburan dalam industri serta memperkuuh sumbangan gas asli sebanyak RM52 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Menurutnya, pelan itu bertujuan untuk menyampaikan pendirian kerajaan mengenai isu kawal selia yang penting, menunjukkan cara untuk mengatasi halangan sedia ada, serta menggariskan peluang dalam membina infrastruktur gas yang kukuh bagi memastikan keselamatan tenaga jangka panjang Malaysia.